

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**SOALAN**

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap dakwaan kapal kargo ZIM Rotterdam yang dimiliki syarikat Israel Zim Integrated Shipping Services dibenarkan berlabuh di Pelabuhan Klang pada 29 dan 30 April 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 20 Disember 2023 melalui kenyataan media telah memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut:
  - (a) menyekat dan tidak membenarkan kapal-kapal milik syarikat perkapalan ZIM Integrated Shipping Services Ltd. (ZIM) daripada berlabuh di mana-mana pelabuhan Malaysia. Ini termasuk kapal-kapal milik ZIM yang dioperasikan oleh syarikat lain ataupun kapal-kapal milik syarikat lain yang dioperasikan oleh ZIM;
  - (b) Kerajaan Malaysia tidak lagi membenarkan mana-mana kapal yang menggunakan bendera Israel untuk berlabuh di Malaysia; dan
  - (c) mengenakan larangan kepada mana-mana kapal yang dalam perjalanan menuju ke Israel daripada memuatkan kargo di pelabuhan Malaysia.
2. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengambil tindakan segera dengan mengadakan sesi perbincangan bersama Kementerian Luar Negeri (KLN), Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan pihak-pihak berkuasa pelabuhan berhubung pelaksanaan tindakan menyekat dan melarang syarikat perkapalan berpangkalan di Israel termasuk syarikat ZIM daripada berlabuh di mana-mana pelabuhan Malaysia.
3. Pihak-pihak berkuasa pelabuhan juga dikehendaki memastikan mana-mana kapal yang akan singgah ke pelabuhan di Israel, walaupun mempunyai singgahan ke negara lain terlebih dahulu dan seterusnya akan sampai ke Israel, akan dilarang daripada singgah ke pelabuhan di Malaysia.

5. Merujuk kepada dakwaan bahawa kapal kargo ZIM Rotterdam yang telah dibenarkan berlabuh di Pelabuhan Klang pada 29 dan 30 April 2024, siasatan MOT mendapati kapal kargo tersebut sebenarnya sudah bertukar hak milik. Malah nama kapal juga telah ditukar kepada MV Rotterdam.
6. Sehubungan dengan itu, Kerajaan, dengan kerjasama semua pihak berkuasa pelabuhan persekutuan, akan terus melaksanakan segala tindakan sekatan dan larangan yang berkaitan, selaras dengan keputusan dasar semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.